**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO.5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 4352
Web : www.treasury.gov.my

**CP 192/2020**

MOF.TAX.700-3/1/343(2)

3 April 2020

YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 18
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 Cyberjaya
**SELANGOR**

YBhg. Dato' Sri,

**Pengecualian Cukai Pendapatan Ke Atas Elaun Khas Bagi Penjawat Awam Yang Terlibat Dalam Menangani COVID-19, Bantuan Tunai Kepada Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Serta Bantuan Prihatin Nasional**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Dato' Sri sedia maklum, pada 27 Mac 2020 YAB Perdana Menteri semasa mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) telah bersetuju menyediakan pelbagai bentuk bantuan segera bagi meringankan beban yang ditanggung oleh semua rakyat Malaysia. Ini termasuk bantuan kewangan yang mereka yang terdiri dari golongan pembayar cukai pendapatan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) seperti berikut:

| Bil. | Jenis Bantuan | Golongan Sasar | Jumlah | Tempoh Pembayaran |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elaun Khas kepada penjawat awam yang terlibat dalam menangani COVID-19 | Doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19; dan | Dari RM400 sebulan kepada RM600 sebulan | April 2020 sehingga wabak COVID-19 diisytihar tamat oleh Kerajaan. |
| | | Anggota tentera, polis, kastam, imigresen, anggota Angkatan Pertahanan Awam dan anggota RELA yang | RM200 sebulan | April 2020 sehingga wabak COVID-19 diisytihar tamat oleh Kerajaan. |

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Cukai
Perbendaharaan Malaysia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan. | | |
| 2. | Bantuan tunai secara *one-off* kepada penjawat awam | Penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk mereka yang bekerja secara kontrak. | RM500 | April 2020 |
| 3. | Bantuan tunai secara *one-off* kepada pesara Kerajaan. | Pesara Kerajaan. | RM500 | April 2020 |
| 4. | Bantuan Prihatin Nasional berdasarkan pendapatan isi rumah | i. isi rumah yang berpendapatan bulanan RM4,000 dan ke bawah; | RM1,600 | Bayaran RM1,000 dibayar pada April 2020 dan RM600 pada Mei 2020. |
| | | ii. isi rumah yang berpendapatan lebih RM4,000 hingga RM8,000 | RM1,000 | RM500 dibayar pada April 2020 dan baki RM500 pada Mei 2020. |
| | | iii. individu bujang berusia 21 tahun ke atas yang berpendapatan bulanan lebih RM2,000 hingga RM4,000. | RM500 | RM250 dibayar pada April 2020 dan baki RM250 pada Mei 2020. |

3. Sehubungan dengan itu, YB Menteri Kewangan di bawah peruntukan Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 bersetuju mengecualikan cukai pendapatan ke atas **Elaun Khas dan bantuan kewangan** seperti di atas. Pengecualian ini adalah berkuatkuasa bagi elaun yang dibayar mulai Februari 2020 hingga penularan wabak COVID-19 diisytiharkan berakhir dan juga bantuan kewangan yang dibayar pada bulan April dan Mei 2020.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MA.SIVANESAN)**
Setiausaha Bahagian Cukai,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

**s.k.**

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Kompleks E, Blok E1, E3, E6, E7 & E10
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62590 PUTRAJAYA**

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan Malaysia
15, Jalan Padang Tembak, Kementah
**50634 KUALA LUMPUR**

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Kompleks Kerajaan Parcel D
Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Presint 1
**62000 PUTRAJAYA**

Ketua Pengarah Kastam Malaysia
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Aras 10 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
No 3, Persiaran Perdana, Presint 2
**62596 PUTRAJAYA**

Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam
Ibu Pejabat ,
Angkatan Pertahanan Awam Malaysia,
Jalan Maktab Perguruan Islam, Sungai Merab,
**43000 KAJANG**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Saraan
Tingkat 5, Blok C3, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62510 PUTRAJAYA**

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakuanan (BPOPP)
Aras 6, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran perdana, Presint 2
**62594 PUTRAJAYA**

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pengurusan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran perdana, Presint 2
**62594 PUTRAJAYA**

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Aras 6, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran perdana, Presint 2
**62594 PUTRAJAYA**

Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 4, Blok Tengah Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
**62592 PUTRAJAYA**
(u.p.: Puan Masila binti Ya'kub, KS(DS))